

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November, 1989

AOP 403 - Pembangunan Usahawan

Masa: [3 JAM]

ARAHAN

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan: Soalan No.1 adalah **WAJIB**. Jawab mana-mana **DUA** soalan lain.

1. Banyak galakan diberi oleh pihak kerajaan untuk usahawan-usahawan yang ingin menceburi dalam industri pelancongan. Setelah menimbang di antara bekerja dengan organisasi dengan perniagaan sendiri, anda mengambil keputusan untuk menjalankan perniagaan dalam industri pelancongan. Anda berpendapat bahawa pelancongan tempatan mempunyai potensi untuk masa hadapan. Dalam merancangkan jenis perniagaan, anda ingin mendirikan chalet-chalet yang akan disasarkan kepada golongan yang melancong secara sekeluarga.

[50 markah]

2. Anda berpendapat lebih baik untuk membeli perniagaan yang sedang beroperasi daripada memulakan perniagaan baru. Sila kenalpasti dan bincang faktor-faktor yang penting dalam penilaian sesuatu perniagaan untuk diambil alih.

[25 markah]

3. Anda memiliki kedai kasut di bandar yang mempunyai bilangan penduduk seramai satu juta orang. Anda menjual kasut lelaki, wanita dan kanak-kanak. Anda hanya ada 3 kedai kasut lain yang bersaing dengan anda dalam komplek membeli-belah yang sama.

Apakah polisi-polisi perkhidmatan dan harga anda?

[25 markah]

... 2/-

4. Mencari peluang-peluang perniagaan baru bukanlah perkara yang mudah. Perniagaan baru mestilah memahami pada kehendak-kehendak pengguna.

Bagaimanakah anda akan mencari peluang-peluang perniagaan baru di Malaysia? Bincangkan dengan memberi contoh-contoh.

[25 markah]

5. Encik Ahmad telah mendapat francais SATAY-RIA dan membuka kedainya disebuah komplek membeli-belah. Beliau tahu betapa pentingnya untuk membina hubungan pelanggan yang baik. Bagaimanakah perniaga seperti Encik Ahmad dapat mengesan sikap-sikap pelanggan terhadap perniagaannya dan mencari jalan untuk menukar sikap negatif tersebut kepada yang lebih positif?

[25 markah]

--oooo000oooo--